



LAMPIRAN SATU
ENAKMEN KAWALAN HIBURAN

LAMPIRAN SATU

ENAKMEN KAWALAN HIBURAN NEGERI KELANTAN

NEGERI KELANTAN

ENAKMEN NO.8 TAHUN 1998

ENAKMEN KAWALAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 1998

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

Seksyen

PERMULAAN

1. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

3. Perlantikan Pegawai Pelesenan.
4. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri mengeluarkan arahan.
5. Pemberikuasaan.

BAHAGIAN III

PELESENAN

6. Hiburan tanpa lesen dilarang.
7. Larangan terhadap penjualan tiket, dsb, untuk hiburan tanpa lesen.
8. Permohonan bagi mendapatkan lesen.
9. Kuasa untuk menghendaki maklumat.
10. Pemberian lesen.
11. Fee lesen.
12. Syarat atau sekatan.
13. Tempoh lesen.

14. Pembaharuan lesen bukan suatu hak.
15. Lesen hendaklah dipamerkan.
16. Cagaran.
17. Pembatalan lesen.
18. Rayuan.

BAHAGIAN IV

KUASA UNTUK MENYIASAT, MENANGKAP, MENYITA, MELUCUTHAKKAN DSB,

SEKSYEN

19. Kuasa untuk masuk dan menyiasat.
20. Kuasa menutup tempat hiburan.
21. Kuasa untuk menghendaki butir-butir.
22. Kuasa penangkapan.
23. Pengegedahan.
24. Kuasa menyita.
25. Benda-benda yang disita boleh dikenakan perlucuthakkan.
26. Perlucuthakkan jika ada pendakwaan.
27. Perlucuthakkan jika tiada pendakwaan.
28. Kuasa pegawai polis tidak disentuh.

BAHAGIAN V

KESALAHAN DAN PENDAKWAAN

29. Halangan.
30. Sekatan ke atas penjualan tiket tanpa kebenaran.
31. Liabiliti pengarah, dsb.
32. Penjalanan pendakwaan.
33. Pengkompaunan kesalahan.
34. Penalti am.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

35. Pengecualian.
36. Kuasa membuat peraturan.
37. Pemansuhan.

**JADUAL
NEGERI KELANTAN
ENAKMEN NO.8 TAHUN 1998**

SAYA BERSETUJU,

t.t

(MOHOR KERAJAAN)
SULTAN KELANTAN 8 ovember 1998

Suatu Enakmen untuk membuat peruntukan bagi pengawalan dan perlesenan hiburan dan tempat-tempat hiburan; dan bagi perkara-perkara yang berkesampingan dengannya.

[]

ADALAH DENGAN INI DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Badan Perundangan Negeri Kelantan seperti berikut:

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.
 - (2) Enakmen ini hendaklah terpakai bagi hiburan yang dinyatakan dalam Jadual di mana-mana tempat yang orangramai boleh mendapatkan akses sama ada dengan atau tanpa bayaran wang atau balasan-balasan lain atau di mana orang ramai dipelawa mengambil bahagian dengan membayar fee.
 - (3) Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa kesemasa melalui pemberitahuan dalam *Warta* meminda jadual.
2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain.

“ hiburan “

ertinya mana-mana hiburan yang baginya Enakmen ini terpakai;

“ lesen ”

ertinya lesen yang diberikan di bawah subseksyen 10(1);

“ mahkamah “

ertinya Mahkamah Majistret Kelas Pertama;

“ meja-pin “

ertinya apa-apa meja, papan atau alatan lain, yang dikendalikan dengan syiling atau cakera, yang direkabentuk untuk membolehkan pengendalinya bermain suatu permainan, yang kejayaanya diukur dengan pendorongan satu atau lebih daripada satu objek bergerak ke arah sasaran atau matlamat atau dengan pemerolehan suatu bilangan mata atau dengan kedua-duanya;

“ orang diberikan kuasa “

ertinya Pegawai Perlesen atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pegawai perlesen secara bertulis dibawah seksyen 5;

“ Pegawai Pelesen “

ertinya mana-mana pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 3 (1);

“ peraturan “

ertinya mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini;

“ pihak berkuasa tempatan “

ertinya mana-mana pihak berkuasa tempatan yang ditubuhkan di dalam Negeri Kelantan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 atau mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan penubuhan Kerajaan Tempatan, dan termasuk mana-mana orang yang menjalankan fungsi-fungsi Pihak Berkuasa Tempatan di bawah mana-mana undang-undang sedemikian;

“ syarat atau sekatan “

ertinya syarat atau sekatan yang tertakluk kepadanya lesen diberikan di bawah subseksyen 10 (1);

" tempat hiburan "

ertinya mana-mana tempat yang di atasnya ada apa-apa binaan atau struktur, apa-apa premis atau bangunan sama ada sementara atau kekal atau apa-apa perahu di air atau mana-mana tempat lain yang di dalamnya atau di situ sesuatu hiburan diadakan atau dicadang hendak diadakan dan yang kesitu orang ramai boleh mendapat sesuatu taman hiburan.

ENAKMEN KAWALAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 1998

BAHAGIAN I I PENTADBIRAN

3. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam warta, melantik sekian banyak Pegawai Pelesenan yang difikirkannya perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan –peruntukan Enakmen ini.

(2) Pemberitahuan tentang sesuatu perlantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan kawasan atau daerah yang di dalamnya Pegawai Pelesenan itu boleh menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan yang diberikan atau dikenakan ke atasnya di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan.
4. Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa memberi mana-mana Pegawai Pelesenan arahan-arahan yang bersifat am dan tidak tak konsistem dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini, tentang perjalanan kuasa dan budi bicara yang diberikan kepada Pegawai Pelesenan itu oleh Enakmen ini atau mana-mana peraturan dan Pegawai Pelesenan itu hendaklah melaksanakan semua arahan sedemikian.
5. Pegawai Pelesenan boleh secara bertulis memberikuasa mana-mana pegawai awam atau mana-mana pegawai atau pekerja mana-mana pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan fungsi-fungsi orang diberikuasa di bawah Enakmen ini.

BAHAGIAN III

PELESENAN

6. (1) Tiada seorang pun boleh mengadakan hiburan di mana-mana tempat melainkan jika Pegawai Perlesenan telah memberikan-
 - (a) sesuatu lesen untuk mengadakan hiburan itu; dan
 - (b) sesuatu lesen untuk mengadakan hiburan di tempat itu.

- (2) Mana-mana orang yang melanggar subsekyen (1) adalah melakukan sesuatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

7. (1) Tiada seorang pun boleh-
 - (a) memberikan, membahagi-bahagikan, menjual atau menawarkan untuk menjual apa-apa tiket untuk menghadiri atau mengundang mana-mana orang untuk menghadiri, mana-mana hiburan atau menyebabkan, apa-apa pemberian, pembahagian, penjualan, penawaran atau undangan sedemikian dibuat, atau;
 - (b) dengan apa-apa cara mengiklankan atau menyerantakan atau menyebabkan diiklankan atau diserantakan apa-apa hiburan yang hendak diadakan di mana-mana tempat, melainkan jika suatu lesen telah diberikan berkenaan dengan hiburan dan tempat itu.

- (2) Mana-mana orang telah melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

8. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan lesen hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pelesen.

- (2) Bagi maksud menimbangkan sesuatu permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen, Pegawai Pelesen boleh menghendaki pemohon memberinya apa-apa maklumat tambahan yang dikehendakinya.

9. (1) Tanpa menjejaskan subseksyen 8 (2), bagi maksud menimbangkan sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen bagi mengadakan hiburan, Pegawai Pelesen boleh menghendaki pemohon memberikan kepadanya skrip, jika ada, dan apa-apa maklumat yang dinyatakannya yang berhubungan dengan perkara-perkara yang berikut:
- (a) Butir-butir mengenai orang-orang yang terlibat dalam penganjuran hiburan itu atau kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu;
 - (b) Butir-butir mengenai orang-orang yang telah diundang atau bersetuju untuk mengambil bahagian dalam hiburan itu atau yang telah mengambil bahagian dalam hiburan itu dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu; dan
 - (c) Tujuan yang baginya apa-apa keuntungan daripada hiburan itu dicadangkan hendak digunakan atau telah digunakan.
- (2) Bagi maksud seksyen ini, ungkapan “skrip”, berhubungan dengan persembahan lakunan, ertinya teks lakunan itu (samaada yang dinyatakan dengan perkataan atau simbol muzik atau simbol lain) berserta dengan apa-apa arahan pentas atau arahan lain bagi persembahannya, samada terkandung dalam satu dokumen tunggal atau tidak.
10. (1) Pegawai pelesen boleh, mengikut budi bicaranya, memberikan lesen atau enggan memberikan lesen yang dipohon di bawah seksyen 8.
- (2) Lesen untuk mengadakan hiburan di atau di dalam mana-mana tempat tidak boleh diberikan di dalam mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan melainkan jika pemohon mengemukakan -
- (a) Lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan itu, atau;
 - (b) Kelulusan bertulis daripada pihak berkuasa tempatan itu,

Yang membenarkan tempat itu sebagai tempat hiburan.

11. (1) Walau apa pun seksyen 10, sesuatu lesen hanya boleh dikeluarkan selepas pemohon membayar fee yang ditetapkan
- (2) Pegawai Pelesen hendaklah membayar masuk semua fee yang dikutip di bawah subseksyen (1) ke dalam-
 - (a) Kumpulan Wang Disatukan Negeri, atau
 - (b) Jika diarahkan sedemikian oleh Pihak Berkuasa Negeri, kumpulan wang mana-mana pihak berkuasa tempatan.
12. (1) Tiap-tiap lesen hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen.
- (2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar mana-mana syarat atau sekatan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
13. Sesuatu lesen hendaklah sah selama apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen, tetapi tidak boleh melebihi satu tahun.
14. Sesuatu lesen tidaklah boleh diperbaharui sebagai suatu hak dan sesuatu permohonan untuk memperbaharui sesuatu lesen hendaklah dikira sebagai permohonan dibawah seksyen 8 untuk mendapatkan lesen.
15. (1) Setiap pemegang lesen hendaklah mempamerkan pada setiap masa ditempat ketara ditempat hiburan-
 - (a) Lesen berkenaan dengan tempat hiburan itu;
Dan;
 - (b) Lesen berkenaan dengan hiburan yang di adakan ditempat hiburan itu.
- (2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

16. (1) Pegawai Pelesen boleh, sebelum memberikan sesuatu lesen dibawah Enakmen ini, menghendaki mana-mana orang memberikan cagaran, yang tidak boleh melebihi dua puluh ribu ringgit, dalam bentuk yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen untuk memastikan bahawa apa-apa syarat atau sekatan lesen itu dan peruntukan-peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan adalah dipatuhi dengan sewajarnya.
 - (2) Pegawai Pelesen boleh, selepas memberi pemegang lesen hak untuk didengar, melecuthakkan kesemua atau sebahagian daripada cagaran itu jika Pegawai Pelesen itu berpuas hati bahawa terdapat apa-apa pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan.
 - (3) Walau apapun suseksyen (2) perlucuthakkan apa-apa cagaran atau mana-mana bahagiannya dibawah subseksyenitu tidaklah boleh ditafsirkan sebagai menghalang pendakwaan mana-mana orang kerana melanggar mana-mana syarat atau sekatan sesuatu lesen atau melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan.
 - (4) Pegawai Pelesen hendaklah membayar masuk apa-apa cagaran yang dilucuthakkan di bawah suseksyen (2) kedalam –
 - (a) Kumpulan Disatukan Negeri atau;
 - (b) Jika diarahkan sedemikian oleh Pihak Berkuasa Negeri, kumpulan wang mana-mana pihak berkuasa tempatan.
-
17. (1) Pegawai Pelesen boleh pada bila-bila masa melalui notis bertulis yang disampaikan mengikut subseksyen (2) dan (3) membentuk sesuatu lesen jika telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

- (2) Tiap-tiap notis pembatalan sesuatu lesen hendaklah disampaikan dengan-
- (a) Menampalkan sesuatu salinan notis itu ditempat hiburan; dan ;
 - (b) Menyampaikan sesuatu salinan notis itu-
 - (i) *Kepada orang yang didapati menjaga dan menguruskan tempat hiburan itu; dan*
 - (ii) *Kepada pemegang lesen jika orang yang disebut dalam subperenggan (i) bukan pemegang lesen.*
- (3) Jika notis pembatalan lesen tidak dapat disampaikan mengikut subperenggan (2) (b) (ii), Pegawai Pelesenan boleh menghantar notis itu melalui pos berdaftar kepada pemegang lesen di alamat yang dinyatakan di dalam borang permohonan untuk mendapatkan lesen itu; dan tiap-tiap notis yang dihantar melalui pos berdaftar mengikut subseksyen ini hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sewajarnya mengikut dan dengan mematuhi kehendak seksyen ini.
- (4) Pembatalan sesuatu lesen tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang pendakwaan mana-mana orang kerana melanggar mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau melanggar mana-mana peruntukkan Enakmen ini atau mana-mana peraturan.
18. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan-
- (a) Keputusan Pegawai Pelesenan di bawah seksyen 10 yang enggan memberi lesen;
 - (b) Mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Pegawai Pelesenan di bawah subseksyen 12 (1);
 - (c) Perlucuthakkan cagaran dibawah subseksyen 16 (2); atau
 - (d) Pembatalan lesennya dibawah subsekyen 17 (1),

Boleh ,dalam masa tiga puluh hari dari tarikh dia diberitahu secara bertulis tentang keputusan, syarat, sekatan, perlucahkan atau pembatalan itu, merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri.

- (2) Tiap-tiap rayuan kepada Pihak berkuasa Negeri hendaklah di alamatkan kepada Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri .
- (3) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengarahkan atau mengetepikan keputusan Pegawai Pelesenan dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dipersoalkan atau berupaya dipersoalkan di mana-mana mahkamah.

BAHAGIAN IV

KUASA UNTUK MENYIASAT,MENANGKAPMENYITA, MELUCUTHAKKAN, DSB.

19. (1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, atau mana-mana orang diberikuasa boleh, tanpa waran, memasuki mana-mana tempat hiburan di mana apa-apa hiburan sedang diadakan atau dicadangkan hendak diadakan dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat-syarat atau sekatan-sekatan apa-apa lesen atau peruntukan –peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan dipatuhi, dan boleh membuat apa-apa penyiasatan dan pemeriksaan tempat hiburan itu dan meminta man-mana orang mengemukakan barang-barang, buku-buku, akaun-akaun, tiket-tiket atau dokumen-dokumen atau benda-benda lain dan memberi apa-apa maklumat yang difikirkan perlu oleh pegawai atau orang diberikuasa itu bagi maksud itu.
 - (2) Mana-mana pegawai polis dan orang diberikuasa yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa di bawah seksyen ini hendaklah, apabila diminta oleh mana-mana orang, menunjukkan surat kuasanya kepada orang itu.
20. Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, atau man-mana orang diberikuasa yang menjalankan kuasa di bawah seksyen 19 boleh, tanpa menjejaskan perjalanan selanjutnya kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen itu, dengan serta-merta mengambil langkah-langkah

24. (1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberikuasa yang menjalankan kuasa-kuasa di bawah seksyen 19 dan 23 boleh menyita apa-apa dokumen atau benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang, pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan.
- (2) Pegawai polis atau orang diberikuasa yang menyita apa-apa dokumen atau benda di bawah subseksyen (1) hendaklah menyediakan sesuatu senarai dokumen dan benda yang disita dan dengan segera menyerahkan sesuatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada penghuni atau pemunya tempat itu, atau pengkhidmatan atau ejennya, yang berada di tempat itu.
25. Semua benda yang disita di bawah Enakmen ini boleh dilucuthakkan.
26. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa dokumen atau benda yang disita di bawah Enakmen ini, maka perlucuthakkan atau pelepasan mana-mana dokumen atau benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah mahkamah yang di hadapannya pendakwaan itu telah diadakan.
- (2) Walau apa pun subseksyen (1), jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa-
- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukkan Enakmen ini atau mana-mana peraturan telah dilakukan; dan
 - (b) Mana-mana dokumen atau benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,
 - (c) Mahkamah hendaklah melucuthakkan dokumen atau benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

- (3) Semua dokumen atau benda yang dilucuthakkan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Pelesenan atau polis, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pegawai Pelesenan atau polis.
27. (1) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa dokumen atau benda yang telah disita di bawah Enakmen ini, dokumen atau benda itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika sesuatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (2).
- (2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa dokumen atau benda yang disita di bawah Enakmen ini dan bahawa dokumen atau benda itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis memberikan notis bertulis kepada Pegawai Pelesenan bahawa dia menuntut dokumen atau benda yang disita itu.
- (3) Apabila menerima notis di bawah subseksyen (2), Pegawai Pelesenan boleh mengarahkan supaya dokumen atau benda itu dilepaskan atau supaya perkara atau benda itu dilepaskan atau supaya perkara itu dirujuk kepada seorang Majistret.
- (4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat bawah subseksyen (3) hendaklah mengeluarkan saman mengkehendaki orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya dokumen atau benda yang disita dan orang yang daripadanya dokumen atau benda itu disita hadir di hadapannya.
- (5) Pada hari yang ditetapkan di bawah subseksyen (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam subseksyen (4), Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

- (6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah subseksyen (5) berkenaan dengan sesuatu dokumen atau benda, Majistret berpuas hati bahawa-
- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan telah dilakukan; dan
 - (b) dokumen atau benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, Majistret itu hendaklah memerintahkan perlucuthakkan dokumen atau benda itu; tetapi jika Majistret tidak berpuashati sedemikian, dia hendaklah memerintah supaya dokumen atau benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada dokumen atau benda itu.
28. Tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini boleh disifatkan sebagai menyentuh kuasa-kuasa seorang pegawai polis di bawah Kanun Prosedur Jenayah.

BAHAGIAN V

KESALAHAN DAN PENDAKWAAN

29. Mana-mana orang yang-
- (a) Menghalang mana-mana pegawai polis atau orang diberikuasa yang dengan sah menjalankan apa-apa kuasa yang dibreerikan kepadanya oleh atau di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan;
 - (b) Apabila dikehendaki oleh pegawai polis atau orang diberikuasa supaya mengemukakan apa-apa barang, buku, akuan, tiket atau dokumen atau benda lain yang dia berkuasa atau sepatutnya berkuasa, dalam perjalanan biasa urusan, mengemukakannya,

berlengah-lengah mengemukakannya kepada pegawai polis atau orang diberikuasa itu;

- (c) Apabila dikehendaki oleh pegawai polis atau orang diberikuasa supaya memberikan apa-apa maklumat yang mengelirukan; atau
- (d) Menghalang penyitaan apa-apa dokumen atau benda lain di bawah seksyen 24, atau penutupan mana-mana tempat hiburan di bawah seksyen 20,

Adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

30. (1) Tiada seorang pun boleh menjual, atau menawarkan atau mempamerkan atau ada dalam miliknya untuk dijual, atau memujuk-rayu supaya dibeli, apa-apa tiket yang membenarkan atau berupa sebagai membenarkan kemasukan ke mana-mana tempat hiburan, kecuali di pejabat penjualan tiket, warung, pintu putar atau kaunter yang ditetapkan oleh tuan punya atau pengurus tempat itu oleh pengelola hiburan yang diadakan di dalamnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan sesuatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

31. (1) Jika sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan telah dilakukan oleh suatu kumpulan orang, samaada diperbadankan atau tidak diperbadankan, maka mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha, atau selainnya bertanggungjawab bagi pengurusan kumpulan orang itu, atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau tanpa dibiarkan olehnya, dan bahawa dia telah menjalankan usaha untuk mencegah berlakunya kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya telah dijalankan olehnya memandangkan jenis fungsinya atas sifat itu dan memandangkan semua hal keadaan.

- (2) Mana-mana orang yang sepatutnya melakukan sesuatu kesalahan jika apa-apa jua telah dilakukan atau ditinggalkan olehnya sendiri adalah juga disifatkan melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan penalti yang sama jika perbuatan atau ketinggalan itu telah dilakukan oleh pekongsi, ejen atau perkhidmatannya dalam perjalanan urusan perkongsian itu atau dalam perjalanan pekerjaannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahannya itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau persetujuannya, dan bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pelakuan atau peninggalan perkara itu.
- (3) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (2) boleh melepaskan pekongsi, ejen, atau perkhidmatan yang disebut dalam subseksyen itu daripada dikenakan pendakwa.
32. Pendakwaan berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan boleh dijalankan oleh-
- (a) Pegawai Pelesenan;
 - (b) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor; atau
 - (c) Mana-mana orang yang diberikuasa oleh Timbalan Pendakwa raya.
- 33.(1) Pegawai Pelesenan boleh mengkompaunkan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan menyetujuterima daripada orang yang munasabah disyaki telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum yang dengannya kesalahan itu boleh dihukum.
- (2) Apabila jumlah wang yang tersebut di bawah subseksyen (1) disetujuterima, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang itu berkenaan dengan kesalahan itu dan apa-apa dokumen atau benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen yang mengkompaunkan kesalahan itu.

34. Mana-mana orang yang melakukan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

35. Pihak Berkuasa Negeri boleh mengikut budibicaranya mengecualikan-
- (a) mana-mana hiburan atau kelas hiburan; atau
 - (b) mana-mana tempat hiburan atau kelas tempat hiburan, daripada mana-mana peruntukkan Enakmen ini atau mana-mana peraturan.
36. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki oleh Enakmen ini supaya ditetapkan dan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini dengan lebih baik.
- (2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi maksud-
- (a) Melarang atau mengawalselia apa-apa jenis hiburan atau penggunaan apa-apa jenis alat atau kelengkapan atau peranti di mana-mana tempat hiburan;
 - (b) Mengkehendaki ada jalan keluar, pengudaraan, pencahayaan, langkah-langkah pencegahan kebakaran, kemudahan-kemudahan kebersihan dan kemudahan-kemudahan awam lain yang munasabah yang mencukupi di tempat-tempat hiburan;
 - (c) Mengawalselia perilaku pelakon, penyanyi dan penghibur

- (d) Memastikan orang-orang yang mengunjungi mana-mana tempat hiburan berkelakuan sopan dan teratur;
 - (e) Menetapkan langkah-langkah yang mesti diambil oleh pemegang lesen sesuatu tempat hiburan demi keselamatan orang-orang di tempat hiburan itu, termasuk melarang dibawa masuk ke tempat itu apa-apa jua yang boleh membahayakan orang atau harta;
 - (f) Menetapkan jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompaunkan dan prosedur-prosedur bagi mengkompaunkan kesalahan-kesalahan
 - (g) Menetapkan apa-apa fee yang perlu bagi maksud-maksud Enakmen ini;
 - (h) Menetapkan borang-borang bagi permohonan untuk mendapatkan lesen dan bentuk lesen-lesen yang akan dikeluarkan di bawah ini.
- (3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan-peraturan itu adalah suatu kesalahan dan bahawa man-mana orang yang disabitkan atas kesalahan itu boleh didenda atau dipenjarakan atau kedua-duanya, tetapi penalti itu tidak boleh melebihi-
- (a) Bagi denda, dua ribu ringgit; dan
 - (b) Bagi tempoh pemenjaraan, satu tahun.
37. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), apabila Enakmen ini mula berkuatkuasa, Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1936 (selepas ini disebut "Enakmen termansuh") hendaklah terhenti berkuatkuasa dan hendaklah disifatkan telah dimansuhkan di Negeri Kelantan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1)-

- (a) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa atau dihukum di bawah Enakmen termansuh bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen termansuh, sebelum mula berkuatkuasanya Enakmen ini;
- (b) apa-apa prosiding yang belum diputuskan sebelum mula berkuatkuasanya Enakmen ini hendaklah diteruskan di bawah Enakmen termansuh seolah-olah Enakmen ini tidak dibuat;
- (d) apa-apa perlantikan atau pemberikuasa yang dibuat di bawah Enakmen termansuh hendaklah terus berkuatkuasa dan mempunyai kuatkuasa seolah-olah ia dibuat di bawah Enakmen ini sehingga dibatalkan atau digantikan di bawah Enakmen ini.

JADUAL

(SEKSYEN 1)

1. Lakonan, opera, pentomin, lakonan anekaragam, persembahan muzik, karaoke, nyanyi, tarian, gimnastik, pertunjukan seni mempertahankan diri, gerak akrobatik dan silap mata, pertandingan kecantikan, tablo, tunjuk cara, peragaan dan pawai, yang dalamnya orang-orang hidup mengambil bahagian.
2. Pertunjukan bunga api, alatan set, perhiasan peringatan dan rupa-makhluk-makhluk benar atau khayalan.
3. Sarkas dan pameran binatang.
4. Pameran model, bahan bacaan, gambar, fotograf, ukiran patung atau rupa-rupa lain berbentuk manusia atau binatang.